

PERTANDINGAN REKABENTUK AGRO-LANDSKAP BANDAR

BRIF PERTANDINGAN

Tema bagi pertandingan rekabentuk ini ialah landskap bandar berdasarkan *edible plants*. Tujuan pertandingan ialah merekabentuk ruang terbiar di bandar untuk dijadikan ruang landskap yang mampu memberi bekalan makanan kepada penghuni bandar. Peserta dikehendaki menyediakan rekabentuk landskap untuk ruang di sekitar bandar yang masih tidak berfungsi/ terbiar untuk dibangunkan dengan aktiviti pertanian bandar bagi menjana pendapatan ekonomi penduduk, menampung keperluan makanan dan secara tidak langsung memelihara alam sekitar.

KELAYAKAN

- Pertandingan terbuka kepada semua para pelajar Diploma/ Sarjana Muda/Sarjana dari IPTA/IPTS.
- Penyertaan boleh disertai secara individu atau berkumpulan.
- Bagi penyertaan berkumpulan, bilangan peserta tidak boleh melebihi 3 orang.
- Hasil rekabentuk mestilah asli dan tiada unsur peniruan/ plagiat.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- Rekabentuk landskap terdiri daripada pelan landskap, pandangan hadapan, pandangan sisi dan perspektif (menggunakan skala bersesuaian).
- Saiz tapak adalah tidak lebih 500m persegi.
- Pemilihan tapak adalah bebas tetapi haruslah tertumpu kepada ruang kawasan di sekitar bandar yang tiada fungsi/ terbiar seperti ruang-ruang di kawasan bercerun, struktur terabai, kawasan terabai, bekas lombong dan laluan pejalan kaki yang mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan aktiviti landskap agro yang berfaedah.
- Pemilihan bahan tanaman mestilah sekurang-kurangnya 60% terdiri daripada spesis yang boleh dimakan (*edible plants*).
- Sebuah projek rekabentuk landskap mesti dinyatakan dengan tajuk / nama projek dan tema / konsep.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

KRITERIA PENGADILAN

Tiga (3) panel juri telah dilantik terdiri daripada pelbagai latarbelakang pekerjaan seperti Agensi/ Jabatan / Badan Profesional/ Swasta/ Industri yang terlibat dalam bidang Seni bina/ Seni bina Landskap. Para panel hakim akan melihat kepada 4 kriteria tersebut, iaitu:

- Penyataan Rekabentuk & Analisis tapak/ Design statement & site analysis – 15%
- Perancangan & Rekabentuk/ Planning & Design – 40%
- Elemen rekabentuk hijau/ Green design element – 30%
- Persembahan Grafik/ Visual – 15%

HAKCIPTA

- Dengan menyertai pertandingan ini, para peserta bersetuju untuk mematuhi segala peraturan dan syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.
- Segala hasil penyertaan akan menjadi hak milik dan hak cipta penganjur. Pihak penganjur berhak untuk menggunakan sebahagian atau keseluruhan idea reka bentuk bagi sebarang tujuan pameran, cetakan, hebahan atau dalam apa jua bentuk hasil daripada ciptaan pertandingan ini.
- Segala perbelanjaan yang digunakan bagi penyediaan pertandingan ini adalah di bawah tanggungjawab peserta dan pihak penganjur tidak bertanggungjawab memberikan imbuhan.

YURAN PENYERTAAN

- Setiap penyertaan (individu/ kumpulan) akan dikenakan bayaran RM200.
 - Yuran penyertaan boleh dibuat melalui (Perbankan Internet atau Mesin Deposit Tunai).
- ** Pembayaran menggunakan Draf Bank, Cek, Wang Pos /Tunai, Kad Kredit tidak akan diterima.
- Maklumat yang diperlukan untuk transaksi:

Bayar kepada: Bendahari USM

Bank: Bank Muamalat Malaysia Berhad

Nombor Akaun: 0 7 0 2 - 0 0 0 1 0 5 4 -7 1- 6

- Mohon kemukakan Notis Bayaran Bank/ Slip Bank atau apa-apa dokumen sokongan (sebagai bukti pembayaran) kepada sekretariat pertandingan dan hantar bersama-sama bahan penyertaan pertandingan.

HADIAH

Hadiyah utama : RM 3000.00
 Hadiyah ke-2 : RM 2000.00
 Hadiyah ke-3 : RM 1000.00
 Semua penyertaan akan menerima sijil penyertaan.

TARIKH-TARIKH PENTING

- Pelancaran Pertandingan 20 Disember 2013
- Tarikh Tutup Pertandingan 28 Februari 2014
- Majlis Penyampaian Hadiah 14 Mac 2014

KEPERLUAN PENYERAHAN PENYERTAAN PERTANDINGAN

Segala penyertaan hendaklah terdiri daripada:

- Penyertaan pertandingan boleh dikemukakan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.
- Penerangan ringkas konsep reka bentuk landskap bersaiz sehelai A4 sahaja (tidak melebihi 300 patah perkataan dalam format Microsoft Word)
- Lukisan persembahan (pelan landskap, pandangan hadapan, pandangan sisi, perspektif, dll) bersaiz A1, dalam format susun atur menegak/ portrait terhad kepada 3 keping (maksimum) dan perlu disediakan dalam bentuk ‘print’ dan ‘softcopy’ dengan resolusi sekurang-kurangnya 300 dpi berformat JPEG.
- Maklumat seperti (nama pelajar, no kad pengenalan, no telefon) hendaklah diletakkan di belakang setiap panel lukisan persembahan (sekiranya maklumat tersebut diletakkan pada hadapan panel lukisan persembahan, maka penyertaan peserta akan terbatal).
- Penghantaran penyertaan berbentuk CD / DVD salinan projek digital – mengandungi semua lukisan persembahan bersaiz A1 dan penerangan ringkas projek.
- Penyertaan hendaklah dihantar melalui pos atau kurier ke:

Sekretariat

Jawatankuasa Pertandingan Rekabentuk Landskap

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan,

11800 USM, Pulau Pinang

sebelum 5.00 petang, Jumaat 28 Februari 2014.

Penghantaran melalui pos hendaklah dicatatkan nama kategori pertandingan di atas sampul sebelah kiri:

“Pertandingan Rekabentuk Landskap”.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Sekretariat Pertandingan

Prof. Madya LAr.Jamel B. Ariffin **019 4540126** (jamel@usm.my)

Dr Normah Abdul Latip **0111 909 3738** (norma_abdlatip@usm.my)

Dr Nor Zarifah Abdul Maliki **014 6065994** (zarifah@usm.my)

Julia Md Tukiran **012 798 8438** (j_ttja@yahoo.my)

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN LANDSKAP BANDAR

bersempena dengan Karnival Keusahawanan Universiti Sains Malaysia

14-16 Mac 2014

Nama Pensyarah/ Penyelia
Nama & Alamat Universiti/
Kolej/ Politeknik

Faks _____
Email _____
Bidang /Program/ Unit _____

No. Tel _____ Ext. _____

Website _____

MAKLUMAT PESERTA

No.	Nama	No. kad pengenalan	No. telefon
1	_____	_____	_____
2	_____	_____	_____
3	_____	_____	_____

Tandatangan & Cop Rasmi

Tarikh:

Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan ke pihak urusetia di alamat:

Sekreteriat Urban Agrotecure
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
Faks : + 604 6576523

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Prof. Madya LAr. Jamel B. Ariffin 019 4540126 (jamel@usm.my)
Dr Normah Abdul Latip 0111 909 3738 (norma_abdlatip@usm.my)
Dr Nor Zarifah Abdul Maliki 014 6065994 (zarifah@usm.my)
Julia Md Tukiran 012 798 8438 (j_ttja@yahoo.my)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh Terima _____
Status Permohonan Disokong _____
 Tidak disokong _____
Pengesahan Pegawai _____

SENARAI SEMAK

1. Penerangan ringkas reka bentuk landskap - sehelai A4 sahaja (tidak melebihi 300 patah perkataan) dalam format Microsoft Word (Hardcopy)
2. Hasil lukisan persembahan (bersaiz A1) – 3 helai (maksimum) sahaja dengan resolusi sekurang-kurangnya 300 dpi. (Hardcopy)
3. 1 CD / DVD salinan projek digital (softcopy) –semua lukisan persembahan dan penerangan ringkas projek
4. Borang Penyertaan
5. Bukti pembayaran yuran penyertaan (Notis Bayaran Bank/ Slip Bank atau apa-apa dokumen sokongan)

Tarikh Tutup Permohonan Adalah Pada 28 Februari 2014